



11 JUL, 2024

Rampas ketulan kristal RM 1.9j

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

CUBAAN SINDIKET JADIKAN SARAWAK HAB PENGEDARAN DADAH BORNEO

Rampas ketulan kristal RM1.9j

Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Kuching

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengenali pasti ada cubaan sindiket menjadikan Sarawak sebagai hab pengedaran dadah Borneo berikutan banyak kes penyeludupan dari Semenanjung dikesan tertumpu di destinasi di negeri itu.

Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, terbaharu pihaknya merampas 10 kotak kiriman kargo udara yang mencurigakan dalam serbuan di pekarangan sebuah syarikat kargo pada jam 3.50 petang Khamis lalu.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut terhadap 10 kotak itu membawa kepada penemuan 60 paket bercetak 'Guan Yi Wang' yang mengandungi serbuk kristal dadah jenis syabu atau methamphetamine.

"Secara keseluruhan, berat 60 paket ketulan kristal itu ialah 60,670 gram yang dianggarkan bernilai RM1.9 juta dan ini adalah rampasan dadah terbesar dilakukan JKDM Sarawak pada tahun ini.

"Sehubungan itu, kami khuatir Sarawak dijadikan hub pengedaran dadah di



SEBAHAGIAN daripada dadah yang dirampas dalam serbuan di pekarangan sebuah syarikat kargo.

Borneo berikutan beberapa rampasan dadah dalam jumlah yang besar iaitu 60 kilogram (kg) dalam rampasan kali ini, manakala di Miri pada bulan lalu rampas seberat 49kg dan sebelum ini (Mac 2024) di Matang, Kuching sebanyak

46kg," katanya pada sidang media di ibu pejabat JKDM Sarawak, Petra Jaya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Norizan berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan rangkaian sindiket pengedaran dadah itu mampu

nyai kaitan berikutan modus operandi yang sama. "Mereka menggunakan khidmat penghantaran kargo udara antara wilayah dari Kuala Lumpur ke Kuching dengan membuat pengiktirafan tidak benar pada Borang Kastam No.3

iaitu menyembunyikan bahan narkotik bersama barangan keperluan rumah. "Berdasarkan modus operandi, ada kemungkinan sindiket pengedaran dadah ke Sarawak adalah dalam rangkaian yang sama dan kami menjalankan



Secara keseluruhan, berat 60 paket ketulan kristal itu ialah 60,670 gram"

Norizan

siasatan terperinci mengenainya," katanya.

Norizan berkata, dadah itu dipercayai diperoleh dari negara lain sebelum dibawa ke Semenanjung seterusnya diterbangkan ke Sarawak menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Setibanya di Sarawak (sama ada Kuching, Sibul, Bintulu atau Miri), dadah berkenaan akan diseludup pula ke negara jiran, Indonesia," katanya.

Menurutnya lagi, dalam rampasan terbaharu itu, dua lelaki tempatan berusia 20-an ditahan dan kini direman empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Katanya, turut dirampas sebuah lori yang digunakan bagi mengangkut dadah terbabit dan kini kenderaan itu disita mengikut Seksyen 30(1) ADB 1952.



11 JUL, 2024

Rampas ketulan kristal RM 1.9j

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

CUBAAN SINDIKET JADIKAN SARAWAK HAB PENGEDARAN DADAH BORNEO

Kuching Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengenal pasti ada cubaan sindiket menjadikan Sarawak sebagai hab pengedaran dadah Borneo berikutan banyak kes penyeludupan dari Semenanjung dikesan tertumpu di destinasi di negeri itu. Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, terbaharu pihaknya merampas 10 kotak kiriman kargo udara yang mencurigakan dalam serbuan di pekarangan sebuah syarikat kargo pada jam 3.50 petang Khamis lalu.